



Singapore Book Council  
Powering Our Imagination

## Hadiah Sastera Singapura 2026

### Soalan Kerap Ditanya



#### **1. Apakah Hadiah Sastera Singapura 2026?**

Dimulakan pada 1992, Hadiah Sastera Singapura (Singapore Literature Prize, SLP) ialah hadiah sastera yang unggul di Singapura dengan lebih daripada 170 pemenang. Hadiah ini sebuah pertandingan dwitahunan dan dibuka kepada warganegara dan penduduk tetap Singapura yang mana karya prosa dan puisi, telah diterbitkan di Singapura atau di luar negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

Hadiah tertinggi bernilai S\$5,000 dianugerahkan kepada setiap pemenang dalam 8 kategori. Pemenang juga akan menerima sebuah piala ditempah khas.

#### **2. Apakah perubahan bagi SLP 2026?**

Bagi edisi 2026 Singapore Literature Prize (SLP), beberapa perubahan telah diperkenalkan:



# Singapore Book Council

## Powering Our Imagination

- Peningkatan Wang Hadiah: Jumlah hadiah telah dinaikkan daripada \$3,000 kepada \$5,000.
- Kategori Disemak Semula: SLP 2026 akan dianugerahkan dalam lapan (8) kategori, iaitu Prosa dan Puisi dalam empat bahasa: Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, dan Bahasa Tamil. Karya remaja (YA) juga layak untuk dihantar bagi SLP 2026.
- Terjemahan dan Komik/Novel Grafik: Kedua-dua kategori ini tidak akan disertakan dalam SLP 2026 sementara kami mengkaji semula kitaran penyertaannya.
- Yuran Permohonan: Yuran permohonan sebanyak SGD20 telah diperkenalkan bagi setiap penyertaan.

### **3. Siapakah yang layak ambil bahagian?**

Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap Singapura yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh penyertaan.

### **4. Apakah bahasa yang layak?**

Karya-karya yang dihantar harus ditulis dalam salah satu daripada keempat-empat bahasa rasmi: Bahasa Cina, Inggeris, Melayu, atau Tamil.

### **5. Apakah kategori untuk SLP 2026?**

Terdapat lapan (8) kategori kesemuanya

- Prosa (Cina, Inggeris, Melayu, Tamil)
- Puisi (Cina, Inggeris, Melayu, Tamil)



## **6. Bagaimanakah dapat saya mengambil bahagian?**

(a) Semua penyertaan mesti dihantar secara dalam talian melalui <https://www.bookcouncil.sg/awards/slp-2026> . Pastikan anda baca dan fahami dahulu syarat dan peraturan pertandingan untuk mengelakkan penyertaan anda menjadi kurang lengkap dan tidak layak. Semua penyertaan MESTI disertakan dengan satu (1) salinan digital DAN empat (4) naskhah fizikal buku anda. Yuran penyertaan sebanyak \$20 bagi setiap buku akan dikenakan semasa penghantaran borang dalam talian.

## **7. Bilakah tarikh akhir untuk penghantaran?**

Tarikh akhir untuk menghantar penyertaan anda ialah **15 Mei 2026 (Jumaat), 6 petang (waktu Singapura)**. Setiap penyertaan lengkap mesti termasuk empat (4) naskhah fizikal buku yang perlu diserahkan kepada pejabat Mau Singapura sebelum tarikh akhir. Penghantaran yang lewat atau tidak lengkap akan dianggap sebagai tidak layak. Sila baca syarat dan peraturan kami dengan teliti.

## **8. Apakah kategori Karya Prosa?**

Kategori Prosa merangkumi karya fiksi dan bukan fiksi kreatif. Fiksi merujuk kepada prosa berbentuk naratif, termasuk cerpen dan novel. Karya bukan fiksi kreatif adalah karya yang menggunakan alat susastera untuk mencipta sebuah teks naratif yang menceritakan peristiwa, orang atau idea sebenar. Contoh-contoh dalam genre ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kritikan sastera, biografi, memoir, esei peribadi dan penulisan kembara.



**9. Saya telah menulis sebuah buku berkenaan pengembaraan/ memasak / kisah pencapaian cemerlang. Adakah buku saya layak untuk kategori Prosa?**

Kami tidak menerima buku masak, buku bantu diri, panduan kembara, kajian ilmiah, buku perniagaan, komentar atau buku teks. Karya mesti mudah diperoleh khalayak pembaca umum dan tidak ditujukan khusus untuk golongan pembaca pakar atau akademik.

**10. Saya mempunyai sebuah buku tentang puisi/prosa yang dipasarkan oleh penerbit saya untuk remaja (YA). Bolehkah saya hantarkan?**

Karya-karya untuk remaja (YA) layak disertakan.

**11. Saya mempunyai sebuah buku tentang puisi/prosa yang dipasarkan oleh penerbit saya untuk kanak-kanak. Bolehkah saya hantarkan?**

Buku untuk kanak-kanak tidak layak untuk penyertaan.

**12. Adakah chapbook atau penerbitan bentuk pendek lain layak untuk dihantar?**

Tidak, *chapbook*, risalah, buku kecil, zine, serta penerbitan bentuk pendek atau bukan standard yang lain adalah tidak layak. Semua penyertaan mestilah karya penuh yang telah diterbitkan dan memenuhi kriteria kategori masing-masing.

**13. Sekumpulan penulis, termasuk saya, telah menulis sebuah buku ini bersama-sama. Bolehkah kami ambil bahagian?**

Antologi cerpen, puisi, atau esei oleh berbilang penulis (lebih daripada 2) tidak layak untuk anugerah ini.

**14. Apakah tahun penerbitan yang layak?**

Karya tersebut mesti telah diterbitkan antara 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025, di Singapura atau di luar negeri dalam bentuk buku fizikal.



**15. Buku saya belum diterbitkan untuk pasaran tetapi penerbit saya telah memberi kelulusan untuk percetakan. Bolehkah saya hantar manuskrip saya sekarang dan bukannya kemudian?**

Hanya karya yang telah diterbitkan akan diterima. Untuk layak, karya mesti diterbitkan dalam bentuk buku fizikal dan sedia ada untuk edaran komersial umum dalam tempoh masa yang telah ditetapkan (sila lihat S14).

**16. Buku saya boleh diperoleh di e-platform/ hanya dalam format buku audio. Bolehkah saya ambil bahagian?**

Tidak. Buat masa ini, e-buku dan buku audio tidak akan dipertimbangkan untuk anugerah ini.

**17. Saya telah mengumpul karya-karya lama saya dalam satu buku yang baru sahaja diterbitkan. Bolehkah saya hantar buku saya itu?**

Boleh. Kumpulan cerpen, puisi, atau esei yang pernah diterbitkan dalam surat khabar, majalah, atau dalam talian layak untuk dipertandingkan, selagi buku tersebut diterbitkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan (sila lihat S14).

Koleksi "yang terbaik" atau antologi karya yang telah diterbitkan sebelum ini dalam bentuk buku adalah tidak layak. Walau bagaimanapun, sekiranya sekurang-kurangnya 80% daripada karya dalam penyerahan ini diterbitkan buat kali pertama dalam bentuk buku, maka buku tersebut layak dipertimbangkan bagi SLP 2026.

**18. Buku saya baru keluar beberapa tahun lalu dan saya telah mengemas kini beberapa bab dalam edisi terkini pada tahun ini. Adakah buku saya layak?**

Tidak. Cetakan semula, edisi kemas kini atau terbitan ulangan dari tahun-tahun lalu tidak layak dipertandingkan.



**19. Bolehkah saya hantar lebih daripada satu penyertaan?**

Boleh. Pemohon boleh menghantar lebih daripada satu karya untuk pertandingan ini selagi karya-karya ini berbeza dan bukan variasi satu karya yang sama.

**20. Saya ada beberapa buku yang lebih ampuh jika digabung sebagai satu siri. Boleh saya ambil bahagian?**

Tidak. Siri karya yang saling berkait dan dianggap sebagai satu karya tidak layak untuk dipertandingkan. Karya yang sama juga tidak boleh disertakan dalam lebih daripada satu bahasa dalam tempoh pertandingan yang sama.

**21. Saya seorang penulis swaterbit. Adakah saya layak?**

Ya. Anda layak untuk mengambil bahagian selagi anda memenuhi kriteria yang telah dinyatakan sebelum ini.

**22. Siapakah yang menentukan pemenang?**

Setiap kategori akan dinilai oleh sebuah panel yang terdiri daripada tiga orang pengadil. Keputusan pengadil muktamad dan mengikat. Surat-menyurat berkaitan dengan keputusan pengadil tidak akan dilayan.

**23. Bilakah senarai pendek akan diumumkan?**

Senarai pendek bagi SLP 2026 akan diumumkan pada pertengahan Oktober 2026. Hanya penulis yang disenaraipendekkan akan diberitahu.



**24. Saya telah disenarai pendek tetapi saya tidak ingin menghadiri majlis anugerah hanya untuk berasa kecewa jika saya tidak berjaya. Bolehkah anda beritahu saya keputusan pengadil sebelum majlis diadakan?**

Tidak. Pemenang TIDAK akan dimaklumkan sebelum majlis anugerah. Kesemua penulis dalam senarai pendek akan diundang untuk hadir. Sekiranya penulis dalam senarai pendek tidak dapat hadir atas sebarang sebab, mereka harus melantik seorang wakil untuk menghadiri majlis, dan menerima hadiah seandainya karya mereka menang. Pemenang hanya akan diumumkan dalam majlis anugerah pada awal Disember 2026.

**25. Saya telah memenangi SLP 2026. Apa langkah selanjutnya?**

Pemenang dan penulis dalam senarai pendek akan diundang untuk menjalankan ceramah awam, bengkel dan/atau program bimbingan penulisan jika bersesuaian. Anda juga akan diminta berbual dengan pihak media dan menghadiri acara media, dan menyokong Majlis Buku Singapura dalam semua kegiatan pemasaran dan publisiti berkaitan Hadiah Sastera Singapura jika bersesuaian.

**26. Soalan saya tidak terjawab oleh sebarang soalan yang telah dinyatakan. Siapakah yang patut saya hubungi?**

Anda boleh rujuk kepada syarat dan peraturan SLP 2026. Untuk soalan-soalan lain, sila e-mel kepada [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg).